TEKS UCAPAN

DATO' NAIB CANSELOR UNIMAP

SEMPENA

MAJLIS LAWATAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS

KE STESEN PERCUBAAN AGROTEKNOLOGI UNIMAP

PADA 26 FEBRUARI 2009 DI SUNGAI CHUCHUH

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Haji Sabry Ahmad, Exco Pertanian Perlis.

Yang Berbahagia En. Abdul Razak Bin Shafiai, Pengarah Pertanian Negeri Perlis.

Yang Berbahagia Tuan Haji Mhd. Bookeri Md Ludin, Pengarah MARDIPerlis.

Yang Berbahagia En. Rosli Abdul Rahman, Pengarah LPP Negeri Perlis.

Dif-Dif Kehormat, Pengerusi-Pengerusi PPK

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil media seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada hari yang berbahagia ini sempena Lawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis dan rombongannya pada pagi ini.

Bagi pihak Pengurusan Utama UniMAP, saya mengalukan-alukan rombongan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Perlis ke Stesen Percubaan Agroteknologi di Sungai Chuchuh, Titi Gajah.

Saya berharap lawatan ini akan menjadi platform yang dapat mencetuskan idea-idea dan pendekatan baru dalam rangka UniMAP meningkatkan peranan kejuruteraan untuk menyokong sektor pertanian ke arah pertanian moden.

Hadirin sekalian,

Walaupun Perlis adalah negeri terkecil di Malaysia dan produk pertanian yang dapat dihasilkan tidaklah begitu terserlah, saya yakin dengan kekuatan yang wujud dalam UniMAP terutama dalam pelbagai bidang kejuruteraan kita dapat menambah nilai terhadap produk dan kegiatan bidang pertanian jika kita berani menghadapai cabaran dan berhasrat untuk membuat perubahan dalam hala tuju kita.

Matlamat UniMAP dalam konteks ini adalah kemajuan berteraskan pertanian moden. Prinsip ’e-farming’ (e- sebagai singkatan engineering) akan diberi penekanan sebaik mungkin dalam membantu mewujudkan amalan pertanian yang berkualiti, berdaya saing dan selamat.

Konsep e-farming harus diamalkan untuk mencapai matlamat pertanian moden.
Konsep e-farming di UniMAP akan meliputi tujuh tema strategik iaitu:

- ICT (electronic connectivity)
- kejuruteraan (engineering)
- keusahawanan (enterprising)
- kecekapan (efficiency)
- mesra alam (eco-friendly)
- pengembangan (extension) dan
- memperkasakan (empowerment).

Hadirin sekalian,

Agroteknologi mesra alam menjadi teras konsep e-farming yang mengguna pakai biologi dan sains moden bagi membangunkan penemuan-penemuan baru agroteknologi.

Selaras dengan hasrat ini, UniMAP telah menubuhkan satu unit baru iaitu Unit Pembangunan Agroteknologi pada 1 Mac 2007. Penubuhan unit ini adalah hasil cetusan idea saya yang merasakan bahawa Agroteknologi merupakan satu keperluan untuk memangkinkan kemajuan pertanian negara dengan menjana teknologi watan dan mapan.

Uni Agroteknologi UniMAP diberi tanggungjawab menjana hala tuju dan pembangunan teknologi pertanian masa hadapan terutama di negeri Perlis yang berteraskan kepada nilai-nilai kejuruteraan sesuai dengan kewujudan NCER. Fokus utama ialah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R & D) menerusi kejuruteraan biologikal.

Hadirin sekalian,

Stesen Percubaan Unit Agroteknologi di Sungei Chuchuh ini akan menjadi wadah pembelajaran dan R&D untuk kita laksanakan konsep pertanian moden. Ia merupakan pletform satelit daripada Unit Pembangunan Agroteknologi yang telah diwujudkan.

Pengambilan pelajar kumpulan pertama seramai 38 orang sudah pun dilakukan pada tahun 2008 dan tambahan bilangan pelajar akan makin bertambah dari tahun ke tahun.

Keluasan stesen percubaan Agroteknologi keseluruhannya adalah 250 ekar menjelang 2010. Buat masa ini pembangunan hanya ditumpukan dalam kawasan seluas 16 ekar dalam pakej pembangunan fasa pertama seluas 54 ekar.

Walaupun dalam lawatan ini kita hanya dapat melihat tapak pembangunan sahaja saya yakin dalam sedikit masa lagi tuan-tuan akan dapat melihat perubahan yang lebih ketara pada landskap di stesen ini.

Hadirin sekalian,

Salah satu anjakan paradigma yang UniMAP dapat mempelopori di stesen percubaan ini adalah untuk menjadikannya sebagai satu pusat depositori pelbagai spesies herbal yang banyak berada dalam pasaran sekarang.

Program pusat latihan (training school) dapat diadakan dimana ilmu, teknologi dan teknik bernilai tambah seperti pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran iaitu ’total value chain’ (rantaian nilai) akan diajarkan.

Unit ini mempunyai misi besar iaitu menjadikan pertanian moden sebagai asas pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan meliputi usaha-usaha meningkatkan pertanian yang berasaskan kejuruteraan serta penyediaan teknologi yang relevan yang dapat mewujudkan aspirasi besar kepada peladang dan petani moden.

Hadirin sekalian,

Bagaimanapun unit ini tidak akan bertindak sendirian. Sebaliknya ia akan menyediakan produk-produk bermutu tinggi hasil daripada kerjasama dengan pemimpin-pemimpin industri. Ia juga bagi meningkatkan inovasi teknologi dan mewujudkan produk tambah nilai untuk penggunaan yang efektif.

Visi unit Agroteknologi UniMAP ialah menjana teknologi dalam suasana dan alam sekitar yang harmoni dengan misi membangunkan teknologi dan membina kapasiti industri agro yang berdaya maju. Intipati kepada segala teknologi termasuk teknologi agro di UniMAP adalah ilmu pengetahuan.

Hala tuju industri agroteknologi harus diberi penekanan kepada pendidikan dengan menggandingkan sains biologi dengan kejuruteraan untuk pertanian moden yang akhirnya dapat mewujudkan teknologi yang lebih berdaya saing.

Pendekatan yang akan dibuat untuk mencapai hasrat untuk menjadikan industri agro mampu berdaya maju adalah melalui aspek pendidikan dan memberi keutamaan kepada program-program penyelidikan yang dapat membantu meningkatkan efisiensi budaya kerja kita terutama dalam bidang industri berasaskan pertanian.

Hadirin sekalian,

UniMAP juga menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi luar termasuk Sime Darby untuk meneroka bidang teknologi agro yang dilihat mampu menjana ekonomi negara untuk manfaat semua.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Sabry Ahmad dan ahli rombongan lain kerana telah sudi meluangkan waktu untuk melawat ke stesen percubaan ini. Untuk mereka yang terlibat dengan persiapan majlis ini juga saya menghargai usaha-usaha anda.

Sekian. Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.